

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

**JHH 454 - SEJARAH MASALAH PERBURUHAN DI MALAYSIA**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **TIGA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

... 2/-

1. Menurut Parmer, kebanyakan kegelisahan buruh pada tahun-tahun 1930an berpunca daripada sistem kontraktor. Setujukah anda dengan tanggapan ini?  
(100 markah)
2. Sejauhmanakah boleh dikatakan bahawa dasar kerajaan kolonial dari awal lagi digerakkan oleh kehendak mengawal dan bukan membela kaum buruh?  
(100 markah)
3. Pada pandangan Tom Clarke, sesetengah "pertubuhan buruh yang dicipta untuk menentang pengawalan kapitalis telah menjadi salah satu unsur dalam struktur pengawalan itu pula". Wajarkah MTUC digolongkan dalam kategori pertubuhan ini?  
(100 markah)
4. Berdasarkan tinjauan pengalaman kaum buruh di Tanah Melayu pada tahun-tahun 1930an dan 1940an, apakah faktor-faktor yang menggalakkan aktivisme buruh?  
(100 markah)
5. Zaman kemelesetan Ekonomi Sedunia pada tahun-tahun 1930an dianggap sebagai salah satu titik tolak yang penting dalam sejarah kaum buruh di Tanah Melayu. Mengapa?  
(100 markah)
6. Bincangkan ciri-ciri PMGLU yang membolehkannya menjadi wakil buruh yang berkesan antara tahun 1946 dan 1948.  
(100 markah)
7. Nilaiikan kejayaan kerajaan kolonial menggunakan undang-undang buruh sebagai alat untuk membenteras gerakan buruh yang radikal.  
(100 markah)

ooOoo